

'Tak betul lewat tiba, petugas di lapangan sepanjang insiden bah'

KUALA LUMPUR – Kementerian Wilayah menafikan dakwaan bahawa petugas jabatan dan agensi di bawahnya lewat tiba di lokasi banjir kilat di ibu negara pada 15 Oktober lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pasukan petugas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berada di lapangan sepanjang insiden selama dua jam 15 minit.

"Laporan meteorologi menyatakan hujan bermula pukul 8.30 pagi dan berhenti sekitar 10.45 pagi. Dalam tempoh dua jam 15 minit pasukan petugas JPS dan DBKL berusaha melencongkan laluan air dan membantu dalam menyuraikan air, jadi bila dikatakan lewat sampai kurang tepat.

"'Emergency response time' adalah berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.



KERATAN Kosmo! 16 Oktober 2024.

Beliau menjawab soalan Onn Abu Bakar **(PH-Batu Pahat)** mengapa pasukan keselamatan

lewat tiba di lokasi banjir kilat di ibu negara baru-baru ini dan langkah untuk memastikan tindakan segera.

Kosmo! pada 15 Oktober lalu melaporkan taburan hujan yang sangat tinggi melebihi purata, 60 milimeter (mm) per jam menyebabkan berlakunya banjir kilat di sekitar ibu negara.

Zaliha menjelaskan, kejadian banjir kilat pada minggu lalu tidak dikategorikan sebagai bencana, sebaliknya masih sebagai

insiden.

Dalam pada itu, beliau memohon orang awam supaya memainkan peranan dengan memberi maklumat segera kepada pihak berwajib untuk mengurangkan risiko akibat banjir di ibu negara.

"Kita lihat dalam media sosial tular berkenaan anak kecil seperti meminta pertolongan. Hanya ambil gambar atau video, tetapi tidak dikemukakan kepada agensi terlibat untuk menyelamatkan," ujarinya.